

**PEMIKIRAN SATIRA DALAM SASTERA  
DAKWAH DI MALAYSIA: SATU  
PERBAHASAN KONSEP**  
(*SATIRE THOUGHT IN DA'WAH WRITING IN MALAYSIA:  
DISCUSSION OF A CONCEPT*)

**Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi**  
Institut Islam Hadhari (HADHARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor

**E-mel:** zahiruddin zabidi@gmail.com

(*Dihantar: 8 Ogos 2020; Diterima: 3 November 2020*)

**Abstrak**

Kajian dalam bidang penulisan dakwah di Malaysia semakin rancak selepas munculnya karya Nor Raudah Hj. Siren (2013) berjudul *Retorik Penulisan Dakwah*, naskah ini berasal dari tesis doktor falsafah beliau. Selain daripada retorik, antara genre yang tidak diberikan perhatian yang meluas adalah bidang satira, sama ada dalam penulisan umum (non-fiksi) atau cereka (fiksi). Kajian satira secara khusus dalam bidang kesusasteraan dimulakan oleh Fatimah Busu (1992) dengan judul *Ciri-ciri Satira dalam Novel Melayu dan Afrika Moden: Kajian Perbandingan*, kemudian diikuti oleh S. Othman Kelantan (1997) dengan judul *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Meskipun Fatimah Busu dan S. Othman Kelantan masing-masing mengkaji subjek satira namun S. Othman Kelantan lebih mengkhusus kepada aspek pemikiran satira. Gabungan daripada tiga narasumber di atas, secara deduktif pengkaji mengemukakan konsep 'Pemikiran Satira dalam Sastera Dakwah'.

**Kata kunci:** Satira, Pemikiran Satira, Penulisan Dakwah, Sastera Dakwah

### Abstract

Studies in the field of dakwah writing in Malaysia are intensifying after the emergence of the work of Nor Raudah Hj. Siren (2013) *Retorik Penulisan Dakwah (Rhetoric of Dakwah Writing)*, this manuscript comes from his PhD thesis. Apart from rhetoric, among the genres that are not given widespread attention is satire, whether in general writing or fiction. Research on satire specifically in the field of literature initiated by Fatimah Busu (1992) with the title *Ciri-ciri Satira dalam Novel Melayu dan Afrika Moden: Kajian Perbandingan (The characteristics of Satire in Modern Novel Indonesia and Africa: A Comparative Study)*, followed by S. Othman Kelantan (1997) titled *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu (Satirical Thought in Malay Novels)*. Although Fatimah Busu and S. Othman Kelantan each study the subject of satire, but S. Othman Kelantan specializes in aspects of satire thought. A combination of the three sources above, the researcher deductively presents the concept of 'Satire Thought in Da'wah Literature Writing'.

**Keywords:** Satire, Satire Thought, Da'Wah Writing, Da'Wah Literature

### 1.0 Pengenalan

Dakwah melalui penulisan adalah satu daripada *Sunnah* (Moenawar, 2016, p. 151-202; Ibnu Shalih, 2014) Nabi Muhammad SAW. Baginda mengutus surat kepada para pembesar kerajaan di sekitar Madinah untuk menyeru mereka agar memeluk Islam. Intipati surat Baginda adalah sama ada mereka memilih untuk masuk Islam atau berdamai dengan membayar *jizyah* sebagai tanda persahabatan dan tidak menentang kerajaan Islam Madinah pimpinan Rasulullah SAW yang berpusat di Madinah (Al-Mubarakfuri, 2018, p. 515-537; Al-Mubārakfūrī, 2012).

Bidang penulisan ilmu-ilmu Islam terus berkembang bermula daripada aktiviti penulisan mushaf al-Quran dan pengumpulan hadith sehingga muncul pelbagai karya dalam cabang ilmu-ilmu Islam kemudiannya. Tradisi penulisan ilmu-ilmu Islam terus

berkembang bermula dari sekitar negara Arab sampai ke Alam Melayu-Nusantara sejajar dengan perkembangan dakwah Islam (Raudah, 2013, p. 1; Nazzwardi, 2000).

## **2.0 Sekilas Sejarah dari Sastera Islam hingga Sastera Indie di Malaysia**

Aktiviti penulisan menjadi asas bagi pengisian pelbagai medium media sama ada media massa atau media baharu dalam talian. Di sebalik lahirnya sebuah karya penerbitan berbentuk buku akademik, buku bukan akademik, majalah, akhbar, novel, filem, drama TV dan radio terdapat pemikir-pemikir yang berperanan penting mencorak hasil karya tersebut melalui penulisan mereka terlebih dahulu. Pemikiran para penulis menentukan hala tuju dan sasaran karya mereka, sama ada mempunyai nilai dakwah dan tarbiah atau sebaliknya (Zahiruddin & Faisal, 2014; Aziz, 2001).

Para penulis juga adalah pendakwah (*da'ī*) yang memilih bidang penulisan sentiasa berusaha memastikan tulisan mereka mencapai maksud dakwah namun dalam masa yang sama berusaha memastikan tulisan mereka mempunyai keistimewaan tertentu bagi menarik perhatian serta mempengaruhi para pembaca (*mad'ū*) terlebih dahulu (Abdullah Hassan, 2006).

Justeru pelbagai jenis pemikiran, teknik dan gaya digunakan dalam penulisan dakwah bagi tujuan tersebut antaranya adalah memasukkan unsur-unsur 'pemikiran satira' yang akan dibahaskan dalam kajian ini. Bidang penulisan sastera seperti cereka iaitu cerpen dan novel pula sudah lama menjadi wasilah menyampaikan mesej dakwah oleh para penulisnya yang mempunyai matlamat dan fikrah dakwap.

Penulisan dakwah tidak terhad dalam bentuk tertentu, secara umum ia boleh dikategorikan sebagai fiksyen dan bukan fiksyen. Penulisan dakwah dalam bentuk fiksyen adalah seperti puisi, sajak, syair, pantun, tambo, seloka, gurindam, prosa dan seumpama. Dalam konteks zaman moden iaitu abad ke-20 ke atas, prosa lebih dikenali sebagai novel atau cerpen. Manakala bentuk bukan fiksyen pula adalah penulisan deskriptif yang memerlukan hujah dan sandaran autentik serta penghuraian yang mantap sama ada dalam bentuk esei, artikel, jurnal, rencana, berita, laporan, ceramah, khutbah, biografi dan penulisan buku ilmiah (Raudah, 2013, p. 31-34).

Salah satu genre penulisan dakwah adalah melalui cereka, cereka berasal dari gabungan dua patah perkataan iaitu 'cerita' dan 'rekaan'. Cereka terbahagi pula kepada dua jenis iaitu cerpen dan novel. Cerpen juga adalah kata gabungan dua patah perkataan iaitu 'cerita' dan 'pendek', manakala novel merujuk kepada prosa yang panjang dan kompleks. Kedua jenis cereka ini adalah cerita yang ditulis, atau dikarang, atau direka bukan berasaskan kejadian atau peristiwa yang sebenar (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005), namun sebahagian daripada hasil karya cereka adalah berasaskan kejadian dan peristiwa yang sebenar dengan tambahan unsur cerita rekaan dan kreativiti oleh pengarangnya.

Ciri khusus cereka adalah bersifat naratif, berbentuk prosa atau puisi dan berasaskan imaginasi. Sifat naratif dalam pencerekaan mempunyai kaitan langsung dengan aspek kehidupan seorang manusia seperti pengalaman, harapan, cita-cita, impian, pemikiran dan emosi. Kehidupan seorang manusia pula dikisahkan melalui perhubungan mereka dengan alam, perhubungan sesama masyarakat dan manusia dengan Tuhan (Hashim Awang, 1975).

Dari sudut latar belakang sejarah perkembangan penulisan cereka jenis cerpen berunsur Islam dan dakwah, secara umumnya ia bermula pada dekad 1970-an. Pada masa itu, berlaku kebangkitan Islam di seluruh dunia dan di Malaysia muncul gerakan dakwah yang mula mempopularkan istilah 'dakwah'. Antara yang mendapat pengaruh yang besar daripada fenomena kebangkitan Islam ini adalah para mahasiswa sehingga tertubuh pelbagai kesatuan-pergerakan pelajar Islam. Selain daripada membincangkan aktivisme dakwah mereka juga menganjurkan wacana intelektual termasuk berkaitan dengan 'Sastera Islam' (Maimunah, 1989; Maimunah, 1994).

Kemunculan kesatuan mahasiswa antaranya Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan beberapa lagi kesatuan dan gerakan pelajar, persatuan penulis dan gerakan sosial yang berpengaruh dalam masyarakat seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang juga mempengaruhi perkembangan wacana Sastera Islam sehingga muncul Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM). Menurut Shafie Abu Bakar, GAPIM yang ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jamadilakhir 1396 bersamaan dengan 30 Mei 1976 bercita-cita untuk menarik golongan penulis kepada kesusasteraan Islam serta mengembalikan nilai dan identiti kesusasteraan Islam di Malaysia (Nurazmi, 1991, p. 21).

Fenomena ini disemarakkan lagi apabila pihak pentadbiran universiti awam Malaysia seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Pengajian Islam (FPI) menawarkan kursus berkenaan dengan sejarah, ciri-ciri, dan perkembangan kesusasteraan Islam dengan memasukkan perbincangan mengenai prosa dan puisi tanah air (Nurazmi 1991: 20).

Pada tahun 1972, Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas menyampaikan syarahan pengukuhan pelantikan profesor bahasa dan kesusasteraan Melayu juga di UKM. Unjuran daripada syarahan bersejarah itu yang kemudian dibukukan dengan tajuk yang sama, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972) dilangsungkan pula Simposium Sastera dan Agama di Kuala Terengganu pada 28 dan 29 Julai 1973. Simposium yang dianjurkan oleh Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) itu menghimpunkan golongan sasterawan dan sarjana akademik bagi membincangkan topik sastera dan agama di Alam Melayu, zaman klasik dan zaman moden yang disinggung oleh Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam syarahan keprofesoran beliau (Al-Attas, 1999).

Antara sarjana akademik dan sasterawan yang mengambil bahagian dalam seminar tersebut adalah Yusoff Zaky Yacob yang membentangkan makalah berjudul *Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu dari Intelektualisme Islam*, Abdul Ghani Ismail – *Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu dari Tradisi Intelektualisme Islam*, S. Othman Kelantan – *Sumbangan Para Intelektual Islam di Malaysia Terhadap Pembentukan Kebudayaan* dan Muhammad Uthman El-Muhammady – *Peranan Intelektual (Ulama) Islam di Malaysia dalam Pembentukan Kebudayaan* (Ismail Hussein, 1986).

Pada 24-27 Julai 1978, berlangsung program Hari Sastera '78' juga di Kuala Terengganu anjuran Persatuan Sasterawan Terengganu dan Gabungan Penulisan Nasional Malaysia yang dipengerusikan oleh YB Tuan Haji Abdul Rashid Ngap. Antara para pembentang ialah Prof. Dr. Syed Hussein Alatas yang membentangkan makalah berjudul *Tumbuh Tidak Berbuah*, P. Rosihan Anwar – *Masyarakat Islam di Indonesia*

*dan Pembinaan Kebudayaan*, Shafie Abu Bakar – *Sastera Melayu dan Islam*, Shahnnon Ahmad - *Sastera Melayu dan Islam*, Hamdan Hassan – *Sastera Melayu dan Islam*, Abdul Rahman al-Ahmadi – *Sastera Melayu (Lama) dan Islam*, Aziz Deraman – *Islam dan Pengucapan Kesenian*, Hashim Musa – *Islam dalam Pengucapan Seni* dan Drs. Sidi Gazalba – *Islam dan Seni* (GAPENA, 1980).

Perkembangan wacana Sastera Islam ini juga menarik minat pihak kerajaan pada masa itu khususnya Bahagian Agama (sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia @ JAKIM), Jabatan Perdana Menteri bagi menganjurkan sayembara mengarang cerpen, novel, drama dan puisi berunsur Islam sempena sambutan abad ke-15 hijriah. Sayembara mengarang cerpen tersebut sudah masuk kali keenam, hasil daripada sayembara tersebut telah terbit antologi cerpen *Tantangan, Tuhan, Bagaimana Akanku Cari-Mu, Mati, Ruuntunan, Sebuah Lampu Antik* dan *Madrasah* (Nurazmi, 1991, p. 22).

Cerita pendek atau cerpen adalah lanjutan daripada tradisi penceritaan orang Melayu yang sudah mengakar dalam masyarakat sebagai sebuah tradisi. Namun sesuai dengan peredaran zaman yang semakin moden dan canggih selain daripada intergrasi tamadun dan budaya sama ada dari Timur atau Barat ia membentuk seni penceritaan yang baharu, iaitu melalui penulisan berbanding dahulu hanya melalui lisan (Wahab, 2009, p. 110).

Sejarah perkembangan penulisan cerpen Melayu-Islam bermula dengan terbitnya sebuah cerita pendek (cerpen) berbentuk cerita rekaan (cereka) pada tahun 1920 dalam majalah tertua bertulisan Jawi di Malaysia yang masih kekal sampai hari ini iaitu *Pengasuh* (1908-kini) terbitan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Cerpen

tersebut bertajuk *Kecelakaan Pemalas* karangan Madrasi atau nama sebenarnya Nor bin Ibrahim (Hashim, 1975, p. 4; Hashri, 2019). Namun begitu, ada rekod yang menyatakan bahawa penulisan berbentuk cerpen terlebih dahulu diterbitkan dalam akhbar berkala *Jawi Peranakan* dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi pada 1876 lagi. Menurut Hashim Awang (Hashim, *ibid.*, p. 2) sehingga Perang Dunia II tercetus, terdapat 147 penerbitan berkala berbentuk majalah dan akhbar Melayu bertulisan Jawi dan 64 buah daripadanya memuatkan cerpen. Justeru, cerpen adalah amat akrab dengan akhbar dan majalah malah ia dianggap sebagai sastera akhbar dan majalah Melayu (Hamedi, 2002; Hamedi, 2014; Hamedi, 2015).

Kemunculan secara khusus cerpen berunsur Islam diberi perhatian oleh para ahli akademik dan pengkritik sastera antaranya Othman Puteh yang membahagikan kategori cerpen pascaperang dunia kedua yang beliau kaji berdasarkan ciri pemikiran dalam karya tersebut. Beliau menyimpulkan kategori utama cerpen Melayu selepas Perang Dunia II terbahagi kepada empat bahagian iaitu masalah sosial, kehidupan politik, perjuangan terhadap kolonial dan agama (Othman, 1983, p. 98).

Paling awal semangat berkarya dengan ciri-ciri Islam yang kental dapat dikesan semenjak awal 70-an dan berkesinambungan sehingga pada hari ini, namun semenjak era ASAS50 iaitu selepas tamatnya Perang Kedua II tahun 1945 hingga akhir 60-an semangat berkarya dengan nada Islam seperti awal kemunculannya atau sebagaimana tradisi persuratan para pjuangga dan ulama Melayu-Islam pada zaman klasik memang amat kurang menyerlap. Cerpen-cerpen yang mengungkapkan nilai-nilai Islam yang kuat mula dapat dikesan melalui penerbitan berkala seperti *al-Islam*, *al-Qiblat*, *Warta Jabatan Agama Islam Johor*, *Dian* dan seumpamanya. Fenomena ini

dirancakkan lagi dengan sayembara yang dianjurkan oleh pihak berautoriti seperti *Utusan Zaman* dan Pusat Islam (Mana Sikana, 1983, p. 67)

Gaya baharu dalam tema penulisan ini kemudian berasimilasi menjadi unsur penting dan utama di samping tema-tema dan unsur lain dalam sastera arus perdana bagi generasi baharu selepas tahun 90-an. Tiada lagi pemisahan ketara antara sastera Melayu konvensional dan sastera Melayu-Islam, ini dapat diperhatikan isi karya-karya penulis yang memenangi sayembara atau hadiah sastera berprestij seperti Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) atau Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM), muncul nama seperti Faisal Tehrani, Nisah Haron, S.M. Zakir, Siti Jasmina, Hizairi Othman, Mawar Shafie, Kamariah Kamaruddin, Shamsuddin Othman, Rahimidin Zahari, Zaid Akhtar dan generasi selepas mereka yang semakin memperlihatkan keserasian dan kesatuan tema Melayu-Islam dan tema-tema besar yang lain. Sebahagian besar daripada mereka adalah hasil didikan daripada program Minggu Penulis Remaja (MPR) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri yang bermula sejak tahun 1985.

Situasi semasa memperlihatkan munculnya fenomena penerbit Indie yang menerbitkan karya-karya Indie sama ada berbentuk fiksyen atau non-fiksyen. Kumpulan cerpen menjadi satu daripada genre penerbitan penerbit Indie sebagai contoh penerbit Fixi. Antara kumpulan cerpen yang sudah mereka terbitkan *20 Cerpen Terbaik 2014* (2015), *20 Cerpen Terbaik 2015* (2016), *20 Cerpen Terbaik 2016* (2017), *Cerpen Nadia Khan* (2011), *Kumpulan Cerpen Malam* (2014), *MF2014: Kumpulan Cerpen Ebook Fixi* (2014), *Kumpulan Cerpen 40* (2014), *Kopi* (2012), *KLCC Sebuah Kumpulan Cerpen Fixi* (2013) dan *Bola* (2012). Kumpulan cerpen ini adalah berbentuk

himpunan ramai penulis dan terdapat juga kumpulan individu. Kaedah ini kemudian menjadi identiti kalangan penerbit Indie dalam penerbitan karya fiksiyen atau bukan fiksiyen. Selain daripada itu, fenomena penulis menerbitkan sendiri karya mereka juga semakin popular.

Fenomena positif ini mempunyai sisi negatifnya, iaitu tiada kawalan dan semakan pakar yang berpengalaman dan layak membuat ulasan terhadap manuskrip-manuskrip yang mahu diterbitkan. Justeru sebahagian daripada karya yang diterbitkan sama ada dalam genre fiksiyen dan bukan fiksiyen sengaja menggunakan bahasa yang kasar dan kesat, kisah-kisah yang dijadikan analogi dan kiasan atas nama satira ada yang berunsur isu sensitif berkaitan sentimen agama, bangsa, budaya dan negara. Selain daripada itu, bahasa yang digunakan juga tidak mengikut standart ejaan dan peristilahan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selain kandungannya cerita dan perbahasannya yang di luar norma sensitiviti masyarakat tempatan (Utusan Online, 2016).

Fenomena Penerbit Indie mula muncul secara arus perdana (mainstream) apabila mereka mula menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL/KLIBF) yang berlangsung setiap tahun di PWTC sebagai pempamer dan reruai mereka semakin membesar setiap tahun dengan nilai jualan yang terus membesar. Pada tahun 2015, Dubook Press menjual sebanyak 40 ribu naskhah buku daripada 40 judul yang mereka terbitkan dengan nilai jualan mencecah RM1 juta (Faisal Tehrani, 2016). Selain Dubook Press, antara penerbit berlabel Indie yang menonjol dalam arus perdana adalah seperti Fixi, Lejen Press, Thukul Cetak, Terfaktab, Selut Press, Sang Freud Press, Merpati Jingga dan beberapa lagi,

kebanyakan penerbit mula beroperasi sekitar tahun 2010/11 (Febriansyah & Nursyahidah, 2016).

Hasil penerbitan mereka bukan hanya tertumpu kepada karya fiksyen, kerana buku bukan fiksyen juga menjadi antara produk penerbitan mereka yang mendapat sambutan daripada para pembeli. Ini menarik perhatian pihak berautoriti dalam kerajaan memberikan perhatian kepada fenomena penerbitan buku indie, sebagai contoh pihak Biro Tatanegara (BTN) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pernah mengeluarkan hasil penelitian mereka terhadap fenomena ini dan kajian terhadap buku-buku terbitan Penerbit Indie yang terpilih. Selain daripada beberapa kertas kerja dan jurnal artikel sudah dihasilkan bagi membincangkan fenomena penerbitan Indie daripada perspektif pengkajian masing-masing

Dari sudut pemikiran satira, hampir semua penerbitan karya indie sama ada fiksyen dan bukan fiksyen mempunyai unsur pemikiran satira yang ketara meskipun ia bukan sebuah karya satira (sastera) secara khusus. Ini adalah kerana memang sifat penerbitan karya-karya indie yang memperjuangkan suatu pemikiran yang bersifat anti-*establishment*, kebebasan berfikir, idea yang tidak dikawal, tanpa ikatan peraturan, lepas-bebas dari sebarang hukum-hakam penerbitan atau norma hidup (Adnan & Kamaliah, 2000).

Selain daripada itu, karya-karya Indie dilihat juga sebagai sebuah aliran pemikiran atau budaya yang menggunakan buku sebagai alat penyebaran idea atau pemikiran yang utama dengan prinsip kebebasan daripada sebarang kongkongan autoriti dan arus perdana. Intipati kandungan karya-karya Indie juga bersifat memberontak, agresif, radikal, berunsur lucah, mempromosi pemikiran liberalisme,

agnostik, narsistik (melampau dalam cintakan diri sendiri), meruntuhkan nilai-nilai murni keagamaan, moral dan budaya bangsa. Malah sebahagian daripada intipati kandungan karya Indie ini mengandungi pemikiran songsang yang disahkan terkeluar daripada ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Rashidi & Hidayah, 2016).

Dalam masa yang sama bahan bacaan indie mendapat kecaman dari sudut penggunaan bahasa oleh golongan karwayan dan pihak berautoriti yang mementingkan penggunaan bahasa yang betul tatabahasa dan isi yang bersifat mendidik, sebahagiannya sengaja menggunakan bahasa yang kasar, lucah, kesat dan slanga (Adnan & Kamaliah, 2000). BTN melalui laporan unit penyelidikannya menyatakan kesan buruk gerakan dan penerbitan bahan Indie dan kemuncaknya adalah gerakan atau penerbitan karya Indie ini disifatkan sebagai suatu gerakan yang akan mendatangkan masalah kepada negara (Bahagian Penyelidikan Biro Tatanegara [BTN], 2015). Akan tetapi, para pengkaji juga tidak menafikan sebahagian daripada karya terbitan penerbit Indie ada yang bernuansa dakwah namun jurang nisbahnya terlalu besar berbanding karya fiksyen dan bukan fiksyen Indie genre lain (Atiullah, Nadarajan & Norafizah, 2018).

Respons terhadap kemunculan penerbitan karya Indie di atas dalam industri buku arus perdana kemudian mendapat respon daripada penerbitan arus perdana yang sedia ada dan penerbit baharu yang mula menerbitkan karya yang pada bentuk dan pendekatan penulisan ala karya Indie namun isinya bertemakan dan bermatlamatkan dakwah serta tarbiyah. PTS Media Group menubuhkan Puteh Press, Mustread mula menerbitkan buku motivasi ringan dengan saiz yang sama dengan penerbit Indie dan tajuk-tajuknya sengaja bernada retorik dan satira, Kumpulan Media

Karangkraf menubuhkan label Buku Pojok, Galeri Ilmu dan Telaga Biru juga mengambil sikap yang sama dengan Mustread. Beberapa penerbit baharu yang merupakan usaha anak muda daripada jemaah dakwah seperti IKRAM dan ISMA muncul dengan usaha untuk mengimbangi karya-karya Indie yang tidak Islamik dan tarbawi.

Sebahagian daripada karya terbitan 'Indie Islamik' ini ada yang terikut-ikut dengan penggunaan gaya bahasa dan menyinggung isu-isu yang boleh dikategorikan sebagai berunsur satira, antara yang popular adalah fenomena 'Dakwah Sentap'. Secara umum, melihat kepada interaksi ikon-ikon penulis dakwah muda yang merupakan penulis karya dakwah ini di laman FB dan Instagram masing-masing mewajarkan satu bentuk interaksi yang bertemakan 'sentap' dalam berdakwah, yang mana secara lebih halus ia tidak melengapi anjuran prinsip dan uslub dakwah dalam Surah *al-Nahl*, ayat 125.

### **3.0 Konsep Pemikiran Satira dalam Penulisan Dakwah**

'Satira' bukan perkataan yang berasal daripada bahasa Melayu, ini tidak bermaksud konsep satira atau pemikiran satira tidak pernah wujud sepanjang sejarah kesusasteraan Melayu tradisional-klasik, malah sudah dibuktikan bahawa dalam hikayat sastera lisan hingga hikayat sastera bertulis jelas mempunyai unsur-unsur pemikiran satira namun dengan konteks dan konotasinya yang tersendiri (Othman, 2005, p. 38-85). Sebelum kalimah ini dipinjam daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu, ia diserap daripada kalimah Latin – *Satura*. Dalam tradisi Inggeris, kalimah ini kemudian diucap dan dieja dengan kalimah *satyra*, ia kemudian bertukar menjadi

*Satyre* di London dan berakhir dengan ejaan *satire* (*Encyclopedia Britannica*, 1981, p. 268-269).

Dalam naskhah *The New York Times Guide to Essential Knowledge* pula, *satire* dinyatakan sebagai, "*Work of literature that pokes fun at an institution or idea. A satire is intended to be critical and humorous, and may also seek to reform what it attack by forcing those associated with it to see its ridiculous qualities. For example Horace Miner's satirical article "Body Ritual Among the "Nacirema" ("American" spell backward) pay particular attention to how they look and insist upon ridiculous rituals to make their bodies look better,*" (Addison et. al, 2007, p. 89).

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, satira ialah, "Karya (prosa atau puisi) yang mempersendakan atau menyindir orang dan lain-lain," Penulis satira pula digelar sebagai satirawan (Teuku et. al., 2007, p. 1396). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* pula mentakrifkan satira sebagai, "Karangan yang mempersendakan orang, tulisan yang menyindir orang," (Zainal et. al., 2002, p. 1618). Menurut buku *Bimbingan Istilah Sastera* pula, "(*satire* I, *satyre* P) Karya yang memuatkan sindiran dan cemuhan terhadap tingkah laku manusia. Satira dihasilkan dengan maksud untuk menimbulkan kesedaran. Dalam kesusasteraan Melayu, novel Putera Gunung Tahan karya Ishak Haji Muhammad ialah satira yang berkesan. Fatimah Busu menyatakan bahawa novel ini ialah novel satira Melayu yang pertama. Sindiran dan cemuhan pengarang kepada Barat (Inggeris) ketara pada beberapa bahagian, misalnya pada bahagian Robert tergilagilakan gadis Sakai. Dia mati kerana terjatuh dari pokok ketika cuba mendapatkan gadis itu untuk dikahwini," (Rahman Shaari, 2001, p. 89).

Menurut *Kamus Kesusasteraan* (DBP) pula, "Satira (lg. *Satire*): Bentuk sastera yang menggabungkan unsur jenaka dengan unsur kritikal. Bentuk sastera ini memaparkan kebodohan, kelemahan atau kepincangan seseorang individu, golongan dan institusi masyarakat, negara, serta seluruh umat manusia. Satira berbeza dengan komedi biasa dari segi fungsinya. Tujuan satira bukan sekadar untuk menghiburkan, tetapi juga untuk memperbaiki dan memperbetulkan keadaan dengan menggunakan senjata cemuhan, kecaman dan penghakiman moral."

Menurut sumber yang sama, "Satira boleh dibahagikan kepada dua jenis mengikut gaya dan objektif kritiknya. Satira yang mengkritik secara lembut, bergurau dan berhasrat mendidik dikenali sebagai satira horas. Satira yang menyerang dengan kasar, kejam, penuh kemarahan, dan kecaman dikenali sebagai satira juvenalian. Satira boleh berbentuk puisi atau prosa. Contoh satira berbentuk puisi ditemui dalam karya berjudul *Don Juan* (1824) oleh penyair Inggeris Byron yang memperolok-olokkan kebodohan gelagat masyarakat kontemporarinya. Contoh satira berbentuk prosa ialah *Gulliver's Travel's* (1726) oleh Jonathan Swift yang mencemooh keadaan politik England pada kurun ke-18 (Salleh Yaapar et. al., 2015, p. 327-328).

Latar belakang sejarah perkembangan satira pula bermula sejak zaman kesusasteraan Greek. Dalam tradisi Greek, satira dieja dengan *satyr* atau *satyros* kemudian pada abad keempat masihi golongan pengarang karya satira digelar sebagai *satyricus*. Apabila kalimah ini dipinjam dan diserap dalam bahasa Latin sebagai *satura* ia membawa makna *full plate*, gambaran keadaan sebuah pinggan yang dihidangkan dengan penuh buah-buahan yang pelbagai; disebut juga sebagai

*medley* yang bermaksud pelbagai jenis. Ia merupakan simbolik kepada karya yang mempunyai pelbagai jenis rasa dan pemikiran yang memberikan kesan sama ada suka, sedih, menyampah, jijik dan seumpama. Antara kepercayaan Greek purba adalah persembahan makanan yang bersifat *lanx satura* atau *full plate* tadi adalah khas buat dewa dewi mereka, yang mana persembahan makanan tersebut mempunyai pelbagai cita rasa dan matlamat serta rangsangan balas (*Encyclopedia Americana*, 1981, p. 294).

Terdapat pelbagai pecahan jenis satira yang digunakan oleh seorang pengkarya bagi tujuan menimbulkan kesan perasaan yang pelbagai. Antara jenis satira ialah *humour*, *wit*, *sarcasm*, *cynicism*, *lampoon*, *irony*, *invective*, *burlesque*, *parody*, *mockery*, *raillery*, *exaggeration*, *understatement* dan *epigram*. Setiap jenis satira ini meskipun kelihatan seakan sama namun setiap daripadanya mempunyai latar belakang sejarah dan pengalaman kemunculan yang berbeza. Namun secara umum ia berkait antara satu sama lain.

#### **4.0 Satira dalam Islam**

Satira sebagaimana yang terhasil, difahami dan dipraktikkan melalui pengalaman sejarah, kebudayaan dan kesusasteraan Barat, Eropah semenjak era Greek dan Rom boleh dikatakan sudah wujud dalam tradisi Arab sebelum Islam malah ia masih tersisa pada zaman Islam. Namun Islam oleh kerana sifatnya yang anjal terhadap sebarang tradisi dan kebudayaan bangsa menerima sama ada tanpa atau dengan perubahan sesuatu produk dan tradisi kebudayaan dengan penetapan ia mesti patuh syariah atau tidak melangkau melepasi batas yang sudah ditetapkan. Secara umum satira

dikiaskan dan dikaitkan dengan tradisi *Sha'ir al-Hijā'* yang menggunakan *kināyah* atau sindiran (Othman, 2005, p. 29).

Kaedah ini meskipun tidak sama secara *per se* dengan satira di Barat namun bentuk dan ruhnya boleh dikatakan ada persamaan. Ia sudah diamalkan lama sebelum Nabi Muhammad SAW menerima wahyu Islam pada tahun 610 Masihi. 100 tahun sebelum datangnya Islam, para tukang syair Arab era Jāhiliyyah yang digelar sebagai *Mu'allaqāt* sudah menggubah syair-syair *al-Hijā'*. Antara penyair *mu'allaqāt* yang masyhur adalah Imrul Qais, Tarafah ibn al-'Abd, Zuhair ibn Abi Salmi, Labid ibn Abi Rabiah, Amru ibn Kulthum, Antarah ibn Syaddad dan al-Harith ibn Hilzah al-Yasyukri. Kebanyakan karya para penyair di atas berbentuk *lampoon*, *parody*, *sarcasm* dan *burlesque*. Antara tokoh yang paling masyhur syairnya mempunyai unsur *al-Hijā'* atau satira ialah Tarafah ibn al-'Abd (Othman, 2005, p. 27).

Tarafah dalam karyanya didapati menggunakan laras bahasa yang tajam, pedas, mengecam dan sekali gus menghentam, kelancangan beliau dalam berkata-kata menyebabkan beliau akhirnya mati dibunuh (Fuad, 1984, p. 43). Pada zaman Rasulullah SAW pula, sebahagian penyair kemudian masuk Islam dan mereka diberikan garis panduan oleh al-Quran khusus buat para penyair, Surah *al-Shu'arā'* (26): 221-227 dan al-Hadith riwayat Imam Muslim, no. 2490 sebagaimana contoh di bawah (<http://sunnap.com/muslim/44/225>). Disampaikan daripada 'Abd al-Malik bin Shu'ayb bin al-Laythi, katanya ('Abd al-Malik) disampaikan oleh ayah saya (Shu'ayb) daripada datuk saya (al-Laythi), katanya (al-Laythi) disampaikan kepada saya daripada Khālid bin Yazīd, katanya (Khālid) disampaikan kepada saya daripada Sa'īd bin Abī Hilāl daripada 'Umārah bin Ghaziyyah daripada Muḥammad bin Ibrāhīm

daripada Abī Salamah bin ‘Abd al-Rahmān daripada ‘Ā’ishah (R.Ha) bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Cacilah kaum kafir Quraisy dengan syair, Karena yang demikian itu lebih pedih daripada bidikan panap.” Pada suatu ketika, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam pernah mengutus seseorang kepada Ibnu Rawahah untuk menyampaikan pesan beliau yang berbunyi; “Cacilah kaum kafir Quraisy dengan syairmu!” Kemudian Ibnu Rawahah melancarkan serangan kepada mereka dengan syairnya, tetapi sepertinya Rasulullah belum merasa puas. Setelah itu, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam mengirim seorang utusan kepada Ka’ab bin Malik. Lalu juga mengutus seorang utusan kepada Hassan bin Tsabit. Ketika utusan tersebut datang kepadanya, Hassan berkata; “Telah tiba saatnya engkau mengutus singa yang mengipas-ngipaskan ekornya, menjulurkan dan menggerak-gerakkan lidahnya. Demi Dzat yang telah mengutus engkau dengan membawa kebenaran, saya akan menyayat-nyayat hati kaum kafir Quraisy dengan syair saya ini seperti sayatan kulit.” Tetapi Rasulullah memperingatkannya terlebih dahulu: “Hai Hassan, janganlah kamu tergesa-gesa, karena sesungguhnya Abu Bakar itu lebih tahu tentang nasab orang-orang Quraisy. Sementara nasab Quraisy itu sendiri ada pada diriku.” Kemudian Hassan bin Tsabit pergi mengunjungi Abu Bakar Setelah itu, ia pun kembali menemui Rasulullah dan berkata; “Ya Rasulullah, nasab engkau telah saya ketahui silsilahnya. Demi Dzat yang telah mengutus engkau dengan kebenaran, saya pasti akan mampu mencabut engkau dan kelompok mereka sebagaimana tercabutnya sebutir gandum dari adonannya.” Aisyah berkata; “Lalu saya mendengar Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

"Sesungguhnya Jibril Alahis Salam senantiasa akan mendukungmu hai Hassan selama kamu menghinakan orang-orang kafir dengan syairmu untuk membela Allah dan Rasul-Nya." Aisyah berkata; Hassan bin Tsabit melontarkan syair-syair hinaan kepada kaum Quraisy dengan dahsyatnya." Hassan bin Tsabit berkata; dalam syairnya; "Kau hina Muhammad, maka aku balas hinaanmu itu, # dan dengan itu maka aku raih pahala di sisi Allap. # Kau hina Muhammad, orang yang baik dan tulus, # utusan Allah yang tidak pernah ingkar janji. # Ayahku, nenekku, dan kehormatanku akan, aku persembahkan demi kehormatan Muhammad dan seranganmu. # Aku akan pacu kudaku yang tak terkejar olehmu menerjang musuh dan terus mendaki. # Pasukan berkuda kami melesat ke atas bukit, dengan menyanding anak panah yang siap diluncurkan. # Kuda-kuda kami terus berlari, dengan panji-panji yang ditata oleh kaum wanita. # Tantanganmu pasti kami hadapi, sampai kemenangan berada di tangan kami. # Jika tidak, maka tunggulah saat pertempuran # yang Allah akan berikan # kejayaan kepada orang yang dikehendaki-Nya. # Allah berfirman: "Telah Aku utus seorang hamba, # yang menyampaikan kebenaran tanpa tersembunyi." # Allah berfirman: "Telah Aku siapkan bala bantuan, # yaitu pasukan Anshar yang merindukan musup. # Setiap hari kami siap menghadapi cacian, # pertempuran, ataupun hinaan. # Hinaan, pujianmu dan pertolonganmu kepada Rasulullah, semua itu bagi beliau tiada artinya. # Jibril yang diutus oleh Allah untuk membantu kami, dialah Ruhul Qudus yang tak tertandingi."

(*Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam*, <http://store.lidwa.com/get/>)

Dua karya yang dianggap Satira Islam menurut S. Othman Kelantan (2005, p. 30) ialah *Hay ibn Yaqzān* karya Ibn Ṭufayl (1100-1185M) dan *Mantiq al-Ṭayr* karya Farīd al-Dīn al-‘Attār (1142-1221M). Kedua pengarang ini meskipun berasal dari tempat yang berbeza, Ibn Ṭufayl dari Andalus manakala al-‘Attār dari Parsi, namun kedua-dua mereka hidup sezaman dan dianggap sebagai tokoh ulama Sufi selain sasterawan.

Muhammad Natsir (1954, p. 30-36) dalam karya beliau berjudul *Capita Selecta* mengulas panjang mengenai karya Hay ibn Yaqzān yang bermaksud Hidup anak Bangkit secara literalnya membawa tema gambaran hidup secara semula jadi (*nature*) tanpa pedoman wahyu akhirnya bertemu dengan kebenaran Islam melalui pengembaraan aqliyyap. Hay adalah seorang bayi yang terdampar di sebuah pulau tidak berpenghuni, dia kemudian dijaga dan disusukan oleh kambing hutan yang kematian anak. Ketika Hay berusia 21 tahun kambing itu mati, dengan perasaan yang bercampur baur Hay memerhatikan sambil berfikir apakah sebab dan punca kematian kambing itu sehingga ia membusuk dan berulat.

Dalam masa yang sama Hay juga mula memerhatikan unsur alam sekitarnya – tumbuhan dan binatang. Mula timbul sangkaan dalam akal dan hati Hay bahawa mesti ada suatu kuasa yang mengawal dan menjaga alam ini dengan sistem aturan yang tertentu, kemuncaknya Hay berjumpa dengan jawapan terhadap persoalan fitrah sekali gus intelektual yang timbul dalam dirinya. Hay kemudian berjumpa dengan seorang lelaki yang tidak dikenali di pulau itu, mereka berkenalan dan mula bertukar fikiran. Akhirnya Hay mengikut lelaki itu kembali ke tempat asal dia datang, selepas berada dalam kalangan manusia Hay mula mendapat jawapan tentang bagaimana

asal-muasal yang menjadikan dirinya faham tabiat alam semulajadi – yakni kerana akal dan Hay juga akhirnya tahu siapa yang menjadikan akal – yakni Tuhan. Kesimpulannya satira dalam karya ini menyorot secara sinis mengenai fungsi agama dan akal terhadap sifat manusia, ia mahu menegaskan bahawa agama dan akal tidak boleh dipisahkan sama sekali malah ia sebenarnya saling melengkapi (Kritzeck, 1964, p. 209-215).

S. Othman Kelantan (2005) menukilkan juga daripada Kritzeck (1964) mengenai karya al-‘Aṭṭār yang berjudul *Mantiq al-Ṭayr* yang kemudian banyak diterjemahkan sebagai *The Bird Parliament*, *The Conference of Bird* dan *Musyawahar Burung*. Al-‘Aṭṭār mengangkat burung menjadi simbolik kepada keperibadian manusia yang mana mereka semua berkumpul dan bermesyuarat kerana mahu melantik pemimpin terbaik daripada kalangan mereka. Mereka kemudian mendapat nasihat daripada seekor burung belatuk (Hud Hud) yang dikatakan burung yang berpengalaman hidup pada zaman Nabi Sulaiman a.s. Burung belatuk itu menyatakan bahawa bakal pemimpin kaum burung itu mestilah seekor burung yang perkasa dan sempurna, berfikiran tinggi dan cerdik dan pemimpin demikian berkemungkinan boleh dijemput, ia bernama *Simurgh* tetapi tinggal jauh dari tempat mereka iaitu di sebalik bukit Qaf. Untuk sampai ke sana pula memerlukan mereka melalui tujuh lembah iaitu Lembah Penyelidikan, Lembah Kecintaan, Lembah Kefahaman, Lembah Kebebasan/Pengasingan/Uzlah, Lembah Kesatuan Murni, Lembah Keajaiban dan akhirnya Lembah Kemiskinan/Ketiadaan. Kesemua burung berterbangan untuk ke bukit Qaf namun kebanyakan daripada mereka mati di tengah jalan. Sebilang 30 ekor sahaja yang berjaya mengharungi semua lembah dan sampai ke destinasi yang dituju. Rupanya 30 ekor burung itu belum sampai pun ke maqam tertinggi di mana tempat

*Simurgh* berada, mereka hanya sampai di muara pintu Sang Pencipta Maha Agung, itu adalah manifestasi hakikat daripada pencapaian akal dan pengetahuan hasil daripada renungan dan tafakkur. Walau bagaimanapun, 30 ekor burung itu sudah mampu melihat pancaran cahaya kilat yang meliputi ratusan dunia dalam sekelip mata, ribuan matahari, ribuan bulan dan bintang yang sama terangnya. Penjaga pintu Yang Maha Agung kemudian menjemput mereka semua masuk sekali gus mereka dapat melihat seratus tabir pintu yang terbuka satu persatu ke 'alam sebelah sana' iaitu hakikat Yang Maha Agung dan Maha Mulia. Pada ketika itulah, cahaya hidayah terpancar daripada *Simurgh* kepada *Si Murgh* yang bermaksud 30 ekor burung. Ini bermaksud *Simurgh* yang menjadi simbolik kepada Tuhan Yang Maha Esa telah mengurniakan hidayah dan tajalli-Nya kepada 30 ekor burung yang sudah lulus 'pengembaraan kerohanian' melalui tujuh lembah yang menjadi simbolik kepada tujuh maqam. Pengarang mahu menyampaikan mesej bahawa kekuatan dan kelayakan untuk mencari *Simurgh* ada pada diri atau kumpulan sendiri, yang tidak mustahil bagi dicapai dengan melalui tujuh maqam dengan penuh keazaman dan usaha keras serta istiqamah.

Berdasarkan dua contoh karya di atas, ternyata sebuah karya Satira Islam (menurut penghujahan S. Othman Kelantan) juga adalah sebuah karya Satira Dakwah. Ini adalah kerana prinsip dan uslub dakwah sebagaimana yang disandarkan kepada Surah *al-Nahl*, ayat 125 jelas wujud dalam isi dan bentuk karya itu sendiri. Ini menjadikan konsep 'Pemikiran Satira dalam Penulisan Dakwah' sebagaimana yang diangkat dalam kajian ini adalah relevan bagi dikembangkan sekalipun konsep 'satira' yang difahami dari akar tradisi kesusasteraan dan kebudayaan Barat adalah berbeza dengan kebudayaan Arab khususnya selepas kedatangan Islam.

Contoh karya sastera dakwah semasa yang mempunyai unsur Satira Dakwah ini antaranya kumpulan cerpen *Revolusi* (2014) karya Pahrol Mohd Juoi. Kumpulan cerpen yang mempunyai 14 buah cerpen tersebut dikenal pasti mempunyai tiga kriteria uslub al-da'wah berdasarkan Surah *al-Nahl*, ayat 125 iaitu (i) Uslub Menyeru dengan Hikmah (*Ud'ū bī al-Ḥikmah*), (ii) Uslub Nasihat dengan Baik (*al-Maw'izāt al-Ḥasanah*), atau (iii) Uslub Berbahas yang Terbaik (*Jidāl bi al-Aḥsan*) (Ahmad Zahiruddin 2020).

## 5.0 Pemikiran Satira

Kata 'Pemikiran' berasal daripada kalimah dasar 'fikir'. Kalimah tersebut pula adalah istilah pinjaman dan serapan daripada bahasa Arab iaitu فِكْرٌ (*fikrun*) atau أَفْكَرُ (*afkar*) yang bermaksud fikiran. Akar katanya adalah فَكَّرَ (*fakara*), يَفْكِرُ (*yafkiru*), فِكْرًا (*fikran*), فَكَّرَ (*fakkara*), أَفْكَرَ (*afkara*), تَفَكَّرَ (*tafakkara*) dan اِفْتَكَرَ فِي الْأَمْرِ (*iftakara*) yang bermaksud memikirkan hal itu, memikirkan sesuatu; atau فَكَّرَ (*fikkir*) yang bermaksud banyak berfikir; atau تَفَكَّرَ (*tafakkur*) yang bermaksud hal-hal berkaitan berfikir (Mahmud 1973: 322). Perkataan fikir atau fikiran diterjemahkan sebagai 'intellectual' dalam bahasa Inggeris. Menurut *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* ia ditakrifkan sebagai "... of the intellect as opposed to the emotions" (<http://prpmv1.dbp.gov.my/>).

Kegiatan berfikir atau berpemikiran yakni aktiviti intellectual bersabit secara langsung dengan fungsi akal yang disebut 'mind' dalam bahasa Inggeris. Akal menjadi punca teras kegiatan berfikir yang melahirkan segala bentuk pemikiran yang dinisbahkan dengan sifat kecendekiawanan atau keintelektualan seorang manusia. Prof. Dr. Syed Hussein Alatas (1977, p. 8) dalam menjelaskan makna pemikiran yakni

*'intellectual'* mengatakan, "... *an intellectual is a person who is engaged in thinking about ideas and non-material problem using the faculty of reason*", beliau kemudian menambah, "... *the intellectual produce ideas and spread them to other members of society*" (Alatas, 1977, p. 9).

Oleh yang demikian, 'pemikiran' boleh difahami sebagai buah fikir, idea dan fikiran yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan akal mereka dalam memikirkan sesuatu masalah masyarakat atau umat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya; 'pemikiran' itu disebarkan pula dalam masyarakat lingkungan atau ke luar masyarakat lingkungannya. Golongan intelektual yang mempunyai daya berfikir yang tinggi dan sentiasa peka akan masalah zamannya terdedah kepada pelbagai ancaman, justeru menjadi satu tradisi dalam budaya keintelektualan para intelektualis ini menulis menggunakan pelbagai cara untuk merakam dan menyebarkan pemikiran mereka (Othman, 2005, p. 8).

Antara instrumen, alat atau wadah rakaman yang menjadi wasilah penyebaran pemikiran dan idea golongan intelektual zaman berzaman adalah melalui penulisan karya kreatif berbentuk prosa sama ada novel atau cerpen. Dalam kajian ini, pengkaji bukan hanya mahu mengemukakan contoh pemikiran satira biasa daripada antologi cerpen yang terpilih, pengkaji dalam masa yang sama mengemukakan konsep 'Pemikiran Satira dalam Sastera Dakwah' atau boleh juga diringkaskan menjadi 'Pemikiran Satira Dakwah' sesuai dengan rumusan S. Othman Kelantan mengenai konsep 'Pemikiran Satira' iaitu, "... novel-novel Melayu banyak sekali membawa dan menyetengahkan masalah individu, masyarakat, institusi adat, agama, politik, ekonomi dan sebagainya. Lazimnya ia disampaikan melalui unsur tema dan persoalan

dalam bentuk dialog atau deskriptif yang mudah difahami," menurut beliau lagi: "Walau bagaimanapun, melalui unsur dalaman yang mudah difahami itu, penulisnya telah menggunakan gambaran yang dilukiskan imej dan lambang yang memerlukan pemahaman yang lebih mendalam." Beliau kemudian merumuskan: "Pemikiran itu seakan-akan tersembunyi dan amat implisit sifatnya kerana ia disampaikan dalam pelbagai bentuk imej dan lambang yang disebut sebagai pemikiran satira." (Othman, 2005, p. vii).

Sebagai contoh dalam mukadimah kumpulan cerpen *Revolusi* (2014) yang bertajuk *Muqaddimah: Memanusiakan Manusia*, pemikiran satira pengarang sudah boleh dirasai dengan ketara. Beliau memulakan perenggan dengan menyindir dan menimbulkan suatu persoalan teras yang besar dan mendalam. Kata beliau:

"Kumpulan cerpen cerpen *Revolusi* ini saya tulis dengan misi 'memanusiakan' manusia. Apakah ada manusia yang bukan manusia? Ya, ada. Bukan pada rupa, tetapi pada jiwa."

(Pahrol, 2014, p. v)

Pengarang mendatangkan nukilan daripada Surah *al-A'rāf* (7): 179 sebagai sandaran dalil terhadap persoalan yang beliau sindirkan di atas. Kemudian pengarang meneruskan teguran dan sindiran beliau:

"Apabila buta mata hati (kerana meminggirkan agama), manusia akan menjadi lebih hina daripada haiwan. Kerakusannya, bukan sahaja menghancurkan dirinya sendiri tetapi turut menghancurkan orang lain. Ketika itu kebijaksanaan akal akan didominasi oleh kerakusan hawa nafsu. Maka berlakulah keruntuhan spiritual di tengah kepesatan pembangunan material. Inilah zaman jahiliah

kedua yang mengekalkan ciri-ciri dalaman yang sesat persis jahiliah yang pertama."

(Pahrol, 2014, p. v)

Teguran atau sindiran di atas jelas menisbahkan pelambangan dan kiasan golongan yang meminggirkan agama dengan sengaja adalah lebih teruk daripada haiwan, malah gejala tersebut ditegaskan sebagai jahiliah kedua selepas jahiliah pertama iaitu jahiliah sebelum datangnya Islam kepada Nabi Muhammad SAW, jahiliah era kafir Quraysh dahulu. Seterusnya pengarang berkata:

"Ya, sudah sekian lama arus jahiliah angkuh di pentas sejarap. Mendabik dada, berkokok lantang mencabar lawan. Badai kemungkaran terus menggila mencari mangsa. Memang arus sekularisme tidak kenal pangkat atau darjat, ulama atau si jahil, umara atau rakyat. Sesiapa sahaja yang lemah iman, pasti terjerat."

(Pahrol, 2014, p. vi)

Tambah pengarang lagi,

"Tidak kira setinggi mana ilmu, sebanyak mana harta atau sebesar mana kuasa... tanpa berpegang kepada prinsip Islam yang syumul, umat Islam sendiri akan menjadi hamba kepada fahaman sekular. Mereka mengakui adanya Tuhan tetapi tidak mengambil syariat sebagai peraturan hidup. Inilah fahaman yang 'diperangi' dalam cerpen-cerpen dalam kumpulan cerpen ini."

(Pahrol, 2014, p. vi)

Dalam dua perenggan di atas pengarang mula mengfokuskan sindiran dan teguran tentang unsur yang menyebabkan umat Islam termasuk para ulama dan umara pun terjerat dengannya iaitu sekularisme, pengarang menyamakan sekularisme dengan jahiliah dan kemungkaran yang kesemua unsur tersebut menimpa mereka semua kerana kelemahan iman. Atau lebih tepat, sekularisme disabitkan sebagai punca berlakunya jahiliah moden seterusnya menatijahkan kemungkaran yang berluasa.

Seterusnya pengarang menegaskan itu semua berlaku bukan kerana tidak ada ilmu, kuasa atau harta namun kerana tidak patuh dan ikut Islam secara syumul dan juga terjebak dalam menjadi hamba fahaman sekularisme. Secara ringkas, sekularisme menurut pengarang adalah orang Islam daripada pelbagai lapis status yang menerima Islam sebagai agama mereka namun menolak syariat sebagai undang-undang dalam kehidupan seharian, bermula dari diri sendiri sampailah ke peringkat pentadbiran sebuah negara.

Ulasan pengarang mengenai sekularisme di atas tidak menggambarkan hakikat yang menyeluruh faham sekularisme yang lahir daripada pengalaman sejarah agama Kristian dan kebudayaan Barat yang panjang dan kompleks. Untuk mendapatkan kefahaman yang lebih jitu tentang sekularisme, antara buku yang wajib dirujuk ialah *Islam and Secularism* oleh YM Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978).

Pengarang kemudian menegaskan bahawa gejala, pemikiran dan sikap yang berasaskan sekularisme yang meresap dalam seluruh ekosistem masyarakat Islam itulah yang beliau singgung dan serang dalam kumpulan cerpen beliau ini.

Pengarang kemudian menyerang lagi sekularisme dan orang Islam berstatus pemimpin masyarakat yang terpengaruh dengannya:

"Buku ini juga membuka tembelang umara berfikiran sekular, yang tega merosakkan masyarakat dengan muslihat untuk membela bangsa dan negara. Ironinya, mereka membaham isi, orang lain hanya mengutip sisanya. Manakala si jahil sekular pula akan terus menjadi Pak Turut yang rela diperkuda oleh umpan hedonisme untuk terus bersuka ria dengan menggadaikan agama."

(Pahrol, 2014, p. vi)

Kemudian pengarang menjelaskan kaedah penulisan dan kumpulan cerpen ini diterbitkan, "Cerpen-cerpen dalam antalogi cerpen ini polos dan telus sahaja sifatnya. Mungkin nilai estetikanya tidak seberapa. Namun sifat terus terang dan vokalnya itulah yang lebih perlu dicermati dan diamati." (Pahrol, 2014, p. vii). Ini menjelaskan mengapa naskhah ini mempunyai unsur pemikiran satira namun dalam masa yang sama masih mempraktikkan uslub dakwah yang sesuai dengan prinsip daripada petunjuk al-Quran dan al-Sunnah.

Menurut pengarang lagi, "Mesejnya jelas yakni ingin membawa pembaca merentasi sempadan kuasa, harta dan kekuatan yang yang sering dieksploitasi dan dimanipulasi untuk menyekat kebenaran." (Pahrol, 2014, p. vii). Pengarang dengan tajam kemudian menyindir dan mengkritik golongan tertentu yang mempunyai kemampuan namun tidak mengambil sikap dan tanggungjawab untuk melawan kebejatan ini.

Katanya, "Cerpen-cerpen ini juga cuba mengoyak topeng golongan yang mempunyai kebolehan dan kelebihan tetapi malangnya mereka menentang

kebenaran. Tangan yang sepatutnya membina telah jadi peruntuh dan pemusnap. Tidak adalah figure akhir zaman yang mahu mencontohi Umar al-Khattab, Khalid Ibnu Walid atau Amru al-Ash, yang sanggup melakukan 'pusingan U' dari lorong gelap jahiliah ke jalan terang akidah?" (Pahrol, 2014, viii).

Di akhir mukadimah, pengarang menegaskan lagi tentang hala tuju penerbitan kumpulan cerpen yang ditulis oleh beliau ini:

"Antalogi ini saya tulis bukan untuk satu sayembara atau diskusi ilmiah. Namun ia ditulis sebagai landasan berfikir dalam takah-takah menuju tertegaknya agama Allah. Usaha kecil ini mudah-mudahan dapat menggamit karya-karya besar daripada penulis-penulis ternama untuk berbicara permasalahan ummah dalam bahasa dan cara yang mudap. Langkah ini saya kira lebih berkesan untuk menarik golongan muda yang dengan tenaga merekalah diharapkan Islam diperjuangkan dengan lebih dinamik, progresif dan harmoni"

(Pahrol, 2014, p. viii)

Nada, unsur dan aroma pemikiran satira dan dakwah jelas menjadi latar pemikiran dan matlamat penulisan cerpen yang dikompilasikan dengan tajuk *Revolusi* ini. Pahrol Mohd Juoi membuktikan bahawa sebuah karya penulisan dakwah bergenre penulisan kreatif, prosa dan sastera adalah antara wasilah terbaik dalam menyampaikan sindiran sama ada dengan halus atau jelas bertujuan menegur dalam bentuk seruan, nasihat dan berbahas.

Dalam masa yang sama, kesemua karya ini meskipun kaya dengan sindiran halus dan terang yang bermatlamat menegur dan menasihati, ia tetap menggunakan bentuk bahasa dan kalimah yang sopan serta patuh syariah tidak seperti karya satira

asal sebagaimana yang dipraktiskan dalam karya sastera Barat yang bukan sekadar menyindir tapi mengherdik, mencaci, memaki hamun, melucah dan seumpama yang sudah pasti jauh daripada norma budaya Timur dan orientasi Syariat Islam.

Daripada 15 tajuk yang dipaparkan, terdapat sebuah bab yang berjudul *Penutup - Bunga Dari Kemunting: Satu Catatan Peribadi*, bab tersebut bukan sebuah cerpen namun sebagaimana judulnya ia adalah catatan peribadi pengarang yang menceritakan pengalaman dan pandangannya yang pernah mendekam dalam penjara ISA di Kem Kemunting. Justeru sebanyak 14 buah cerpen yang dianalisis dan diklasifikasikan berdasarkan kerangka tiga kriteria *uslūb al-da'wah* berdasarkan Surah *al-Naḥl*, ayat 125 iaitu (i) Uslub Menyeru dengan Hikmah (*Ud'ū bi al-Ḥikmah*), (ii) Uslub Nasihat dengan Baik (*al-Maw'izat al-Ḥasanah*), atau (iii) Uslub Berbahas yang Terbaik (*Jidāl bi al-Aḥsan*).

Daripada 14 buah cerpen ini, kajian ini mengenal pasti tujuh buah cerpen menepati kriteria cerpen yang mempunyai Pemikiran Satira Uslub Menyeru dengan Hikmah, lima buah cerpen menepati kriteria cerpen yang mempunyai Pemikiran Satira Uslub Nasihat dengan Baik dan hanya dua buah cerpen pula menepati ciri Pemikiran Satira Uslub Berbahas dengan Cara Terbaik. Judul dan pengkategorian cerpen-cerpen tersebut boleh dilihat dalam jadual di bawah ini:

Pemikiran Satira dalam Uslub Penulisan Dakwah	Tajuk Cerpen	Jumlah
Menyeru dengan Hikmah ( <i>al-Da'ā bi 'l-Hikmah</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Darul Taqwa</li> <li>• Revolusi</li> <li>• Perlumbaan Terakhir</li> <li>• Datin, Oh Datin</li> <li>• Oh, Zahidah</li> <li>• Merah di Mana-mana</li> <li>• Kuah Dalca yang Tumpah</li> </ul>	7
Nasihat dengan Cara yang Baik ( <i>al-Maw'izah bi 'l-Ḥasanah</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wajah-wajah di Cermin</li> <li>• Melawan Arus</li> <li>• Peluru dan Mata Hati</li> <li>• Demonstrasi</li> <li>• Bukan Cacat Hatinya</li> </ul>	5
Berbahas dengan Cara Terbaik ( <i>al-Mujādalah bi 'l-Aḥsan</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Derap Kasutnya</li> <li>• Cerita Si Buta dan Syeikh Daulah</li> </ul>	2
	Jumlah	14

Jadual 1.0: Pembahagian Cerpen Berdasarkan Ciri *Uslūb al-Da'wah* Surah *al-Naḥl*, ayat 125

Jika dilihat pada jadual, kategori Pemikiran Satira Uslub Menyeru dengan Hikmah mendahului dengan tujuh buah cerpen seterusnya yang kedua kategori Pemikiran Satira Uslub Menasihati dengan Baik iaitu sebanyak lima buah cerpen. Meskipun begitu, beberapa buah cerpen bertindan antara dua kategori kadangkala kadang ketiga-tiga kategori, namun kemudian pengkategorian dibuat berdasarkan ciri-ciri yang lebih dominan dan menjadi isu utama yang menjadi tema penulisan cerpen tersebut oleh pengarang.

## 6.0 Penutup

'Pemikiran Satira dalam Sastera Dakwah' boleh disimpulkan sebagai unsur-unsur pemikiran yang menjurus ke arah menegur, menasihati, mengkritik, menyindir namun dalam nada dan bahasa yang terkawal dan sopan dengan niat yang jelas untuk berdakwah, kadang kala dengan laras bahasa yang berseni seperti kias ibarat dan perlambangan alam sekeliling melalui sesuatu karya kreatif dan sastera. Dalam masa yang sama ia mempunyai unsur tiga *Uslūb Da'wah* yang utama berdasarkan Surah *al-Naḥl* (125) iaitu: (i) *Ud'ū bi 'l-Ḥikmah* (menyeru dengan berhikmah), (ii) *Maw'izati 'l-Ḥasanah* (menasihati dengan baik), dan (iii) *al-Jidāl bi'l-Aḥsan* (berbahas dengan terbaik).

Karya sastera yang dicipta berdasarkan konsep Pemikiran Satira dalam Sastera Dakwah berbeza sama sekali dengan satira yang dimulakan, dikembangkan dan dipraktikkan di Barat sebagaimana yang sudah dibahaskan sebelum ini. Dalam tradisi sastera Melayu tradisional-klasik, unsur pemikiran satira ini dapat dikenal pasti sudah wujud dengan kental lama sebelum pengaruh Islam datang lagi, dan apabila

Islam datang unsur-unsur pemikiran satira ini lebih terarah dengan penetapan niatnya mesti dilakukan dengan niat yang baik kerana Allah selain daripada pengzahirannya melalui perkataan dan tulisan juga mesti dalam bentuk yang baik dan sopan sesuai dengan piawaian Uslub Dakwah berdasarkan Surah *al-Naḥl* (125) sama ada dalam mengajak kepada perubahan, memberikan nasihat mahupun berbahas untuk mencapai satu keputusan.

## Rujukan

- A. Wahab Ali. Perkembangan Cerpen Melayu: Dari Cerita Moyang ke Dewan Sastera, *Sari* 27, 2009: 109-123
- Abdullah Hassan. (2006). *Berdakwah Dengan Efektif*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abu Muhammad ibnu Shalih bin Hasbullap. (2014). *Apa Itu Sunnah?*, t.t.: Pustaka Ibnu Umar
- Addison, P. et. al. (2007). *The New York Times Guide to Essential Knowledge*, New York: St. Martin's Press
- Adnan Hussein & Kamaliah Siarap. (2000). Penggunaan Teknologi Komunikasi- Informasi di Kalangan Ahli Akademik di Malaysia, *Jurnal Kemanusiaan* (16), Bangi: Penerbit UKM
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. Membina Pengisian Berpengaruh Dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwap. *Al-Hikmah*, 6 (2) 2014: 78-90

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2020). Pemikiran Satira dalam Penulisan Dakwah: Analisis Kumpulan Cerpen Revolusi (2014), (Projek Ilmiah Sarjana Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya)

Alatas, Syed Hussein. (1977). *Intellectual in Developing Societies*, London: Frank Cass Company Ltd.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: ABIM

\_\_\_\_\_. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thoughts and Civilization

Al-Mubārakfūrī, Şafiy al-Rahmān. (2012). *al-Raḥīq al-Makhtūm*, Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth

Al-Mubarakpuri, Syaikh Sofiyurrahman. (2018). *Sirah Nabi Muhammad SAW: Perjalanan Hidup Luar Biasa!*, Terj. Unit terjemahan Santai Ilmu Publication, Sungai Buloh: Santai Ilmu Publication Al-Quran

Encyclopedia Britannica. (1981). Danbury: Encyclopedia Inc., J. 16

Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam, <http://store.lidwa.com/get/>

Faisal Tehrani. (2016). *Dubook, Tokong Baharu Orang Muda*. Dirujuk di <https://www.malaysiakini.com/%20columns/%20298191>

Haji Zainal Abidin Safarwan et. al. (2002), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publicaion & Distribution

- Hashim Awang. (1975). *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashri Johari (Ed.). (2018). *100 Tahun Majalah Pengasuh: Peranan dan Sumbangan (1918-2018)*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan
- Ismail Hussein (pnylgr.). (1986). *Sastera dan Agama (cet. ke-2)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- James Kritzeck (Ed.). (1964). *Anthology of Islamic Literature*, Harmondsworth: Penguin Books
- K. P. Moenawar Chalil. (2016). *Kembali Kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah*, Jakarta: Gema Insani
- Lieber, F. (Ed.) (1981). *Encyclopedia Americana (Vol. 24)*, Danbury: American Corporation
- Mahmud Yunus. (1973). *Kamus Arab-Indonesia*, Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/Penafsiran al-Qur'an
- Mana Sikana. (1983). *Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Sarjana
- Md. Salleh Yaapar et. al. (pnysn.) (2015). *Kamus Kesusasteraan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Hamed Adnan (2014). *Dunia Majalah Melayu: Era Sebelum Perang (1900-1941)*, Tanjong Malim: Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mohd. Hamed Adnan. (2002). *Direktori Majalah-majalah Melayu Sebelum Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Mohd. Hamed Adnan. (2015). *100 Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Muhammad Atiullah et. al., Elemen dalam Buku Indie: Satu Kajian Grounded Theory Terhadap Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris, *Internatinal of Islamic Thought*, Vol. 14 (Dis) 2018: 38-51

Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah, Alternatif atau Arus Perdana?: Geliat Penerbit Buku 'Indie' di Malaysia, International Conference on Multidisciplinary Research (ICMR2016), Universitas Hasanuddin, 6-8th September, 2016: 163-172

Muhammad Natsir. (1954). *Capita Selecta*, Bandung: W. Van Hoeve

Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. (2016). Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. Dirujuk [http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel\\_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20%20Indie.pdf](http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20%20Indie.pdf)

Nazzwardi Abu Bakar Aly. (2000). *Muqaddimah Pengajian Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Nor Raudah Hj. Siren. (2013). *Retorik Penulisan Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Nurazmi Kuntum. (1991), *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Othman Putep. (1983). *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Pemikiran dan Struktur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pahrol Mohd Juoi (2014), *Revolusi*, Kota Damansara: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Teuku Iskandar et. al. (pnysn.) (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Morality and Salvation in Malaysia's Islamic Literature of The 1970s and '80s, *Akademika* 45, Julai 1994: 79-97

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, The Notion of "Dakwah" and Its Perception in Malaysia's Islamic Literature of the 1970s and '80s, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XX, No. 2, September 1989: 288-297

Utusan Online. (2016). Karya Indie Bukan Main-main. Dirujuk di <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-bukan-main-main-1.332800>